

ECONOMIC FORUM ASEAN 2025 MALAYSIA

S BEYOND BORDERS. ...ING THE FUTURE OF THE A



Dr. Mursyid 'arkitek' pembangunan belia negara

"SAYA meletakkan keyakinan bahawa masa depan negara ditentukan oleh kualiti insan yang dibentuk hari ini. "Secara peribadi, belia bukan sekadar kelompok umur, tetapi aset strategik negara yang memerlukan pelaburan berterusan dari segi ilmu, nilai, kemahiran dan kepimpinan. Saya memilih untuk mengikuti pengajian belia dan sumber pembangunan manusia di universiti dahulu kerana bidang ini berada di persimpangan antara pendidikan, ekonomi, sosial dan dasar awam."

Itu apa yang dapat dirumuskan Pensyarah Pembangunan Belia merangkap Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohd. Mursyid Arshad, 39, mengenai titik tolak

"

Secara peribadi, belia bukan sekadar kelompok umur, tetapi aset strategik negara yang memerlukan pelaburan berterusan dari segi ilmu, nilai, kemahiran dan kepimpinan."

kerjaya dan penglibatannya kini.

Boleh dianggap sebagai pakar atau 'arkitek' pembangunan belia di negara ini, Dr. Mursyid menjadi kebanggaan UPM apabila diberikan Anugerah Young Innovators Creating a Better World for All sempena Forum Ekonomi Wanita (WEF) ASEAN 2025 atas sumbangannya dalam 'membentuk' golongan belia.

Kepakarannya juga 'ditagih' dan diperlukan dalam merangka pelbagai kajian

berimpak tinggi yang membentuk hala tuju pembangunan belia dan pendidikan negara.

Antara penglibatan anak kelahiran Perak yang dibesarkan di Kedah ini termasuklah penyelidikan berkaitan Dasar Belia Malaysia 2015; Pelan Tindakan Pembangunan Belia Madani 2035; Kajian Undi 18 Nasional; Pembangunan Belia Positif 8C dan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM) 2025-2035 yang menjadi rujukan penting dalam penggubalan dasar dan perancangan

strategik di peringkat nasional.

Komitmen dan kesungguhannya dalam pembangunan belia di negara ini turut diakui apabila dilantik sebagai Ketua Panel Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) yang turut memfokuskan belia di beberapa negeri sejak tahun 2017 hingga ke saat ini.

Dr. Mursyid juga telah dikurniai Pingat Jasa Belia (P.J.B) Wilayah Persekutuan 2024.

Tidak sekadar itu, graduan Bachelors Sains Pembangunan Sumber Manusia dengan Kepujian; Sarjana Sains Pendidikan Pengembangan (Pembangunan Belia) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Pendidikan Pengembangan (Pembangunan Belia) UPM ini turut menjadi pakar rujuk kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) serta Kementerian Belia dan Sukan dalam pelbagai kajian utama di peringkat nasional.